SUDUT PAK-21


Round Table

Bab 1	Ekonomi dan Kerajaan
Subtajuk	Peranan Kerajaan dalam Ekonomi
Standard pembelajaran	Menjelaskan peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif.
Persiapan awal	Sehelai kertas sebak (*mahjong paper*), kertas edaran dan pen penanda.
Objektif	Membantu murid untuk mencadangkan tindakan dan strategi yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mengawal eksternaliti negatif berdasarkan situasi yang diberi.
Aktiviti	**1.** Murid-murid dibahagikan kepada lima atau enam kumpulan. **2.** Setiap kumpulan diberi tugasan yang menunjukkan satu isu alam sekitar. **3.** Ketua kumpulan berbincang dengan ahli kumpulan tentang tugasan yang diberi. **4.** Setiap ahli kumpulan mencadangkan tindakan atau strategi untuk menyelesaikan isu yang diberikan. **5.** Setiap ahli kumpulan akan mencatatkan tindakan atau strategi yang dicadangkan dalam kertas sebak. **6.** Ketua kumpulan menjelaskan hasil perbincangan dan menjawab soalan daripada ahli kumpulan lain. Contoh kertas edaran: **Pencemaran Pasir Gudang: Tindakan keras menanti - PM** KUALA LUMPUR: Kerajaan akan 'memburu' dalang di sebalik insiden pencemaran udara di Pasir Gudang, Johor dan mengenakan tindakan undang-undang keras terhadap mereka, kata Tun Dr Mahathir Mohamad. Perdana Menteri ketika mengutarakan pendirian tegas itu, berkata insiden pencemaran di daerah dekat timur Johor itu amat mendukacitakan dan tidak sepatutnya berlaku, memandangkan kejadian sama membabitkan bahan toksik pernah melanda kawasan sama di Sungai Kim Kim. "Ini amat dukacita, sepatutnya selepas insiden yang dulu, ia tidak berlaku lagi, tapi kita nampak bahawa ada industri yang tidak begitu prihatin terhadap keselamatan, sebab itu kita perlu kenal pasti siapa yang mencemarkan persekitaran di situ". "Kita akan ambil tindakan yang keras terhadap mereka," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucaptama bertajuk 'Malaysia Baharu Dalam Perubahan Pemerintahan Serantau, sempena Meja Bulat Asia-Pasifik Ke-33, di sini, hari ini. *(Sumber: www.bharian.com.my)*

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

SUDUT PAK-21

Placemat

Bab 1	Ekonomi dan Kerajaan
Subtajuk	Penunjuk Ekonomi
Standard pembelajaran	Menjelaskan peranan pengguna untuk mengatasi masalah inflasi.
Persiapan awal	Sediakan petikan akhbar, kertas sebak (*mahjong paper*) dan pen penanda.
Objektif	Membantu murid untuk mencadangkan tindakan dan strategi yang boleh digunakan oleh individu untuk mengatasi masalah inflasi.
Aktiviti	**1.** Murid-murid dibahagikan kepada lima atau enam kumpulan. **2.** Setiap kumpulan diberi tugasan yang mengandungi satu petikan akhbar berkaitan inflasi dan pengguna. **3.** Ketua kumpulan berbincang dengan ahli kumpulan tentang tugasan yang diberi. **4.** Setiap ahli kumpulan menulis tindakan dalam ruangan yang disediakan di atas kertas sebak. **5.** Perbincangan kumpulan untuk mengenal pasti tindakan terbaik dan mencatat tindakan tersebut di ruangan tengah. **6.** Ketua kumpulan menjelaskan hasil perbincangan dan menjawab soalan daripada ahli kumpulan lain. Contoh ruang menulis jawapan di atas kertas sebak: 

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

SUDUT PAK-21

Circular **Questioning**

Bab 1	Ekonomi dan Kerajaan
Subtajuk	Alat Dasar Ekonomi
Standard pembelajaran	Menjelaskan dasar kewangan dan dasar fiskal serta implikasi pelaksanaannya dalam ekonomi.
Persiapan awal	Sediakan kertas A4 dan pen.
Objektif	Membantu murid untuk menghuraikan dasar fiskal dan dasar kewangan serta implikasi pelaksanaannya dalam ekonomi.
Aktiviti	**1.** Setiap murid diminta menyediakan soalan berkaitan dengan tajuk yang diberi dengan menulisnya pada kertas A4. **2.** Murid-murid duduk dalam bulatan yang besar. **3.** Seorang murid mengemukakan soalan dan mana-mana murid boleh menjawab soalan yang dikemukakan. **4.** Setiap murid diberi peluang untuk mengemukakan soalan. Guru boleh meminta murid mencari maklumat daripada pelbagai sumber untuk menjawab soalan yang tidak dapat dijawab. Contoh soalan yang boleh disediakan oleh murid: (a) Nyatakan dua jenis hasil cukai langsung. (b) Nyatakan dua jenis hasil cukai tak langsung. (c) Berikan maksud levi pekerja. (d) Nyatakan dua kesan kenaikan kadar faedah kepada perniagaan perabot.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

SUDUT PAK-21

Find the Fib

Bab 2	Malaysia dan Ekonomi Global
Subtajuk	Globalisasi
Standard pembelajaran	Menghuraikan konsep globalisasi.
Persiapan awal	Sediakan kad kecil atau kertas kosong.
Objektif	Membantu murid untuk mengenal pasti konsep yang betul mengenai globalisasi.
Aktiviti	**1.** Guru membahagikan murid-murid kepada lima atau enam kumpulan (jumlah ahli bergantung kepada bilangan murid dalam kelas). Guru menyediakan kad untuk diedarkan kepada murid-murid. **2.** Setiap murid dalam kumpulan diminta menulis tiga penerangan tentang sesuatu konsep yang dipelajari di mana dua penerangan ialah betul dan satu penerangan ialah salah dalam kad. Contoh: 1. Peranan kerajaan adalah antara faktor penggalak globalisasi. 2. Persaingan adalah antara faktor penggalak globalisasi. 3. Pelancongan adalah antara faktor penggalak globalisasi. **3.** Setelah semua kumpulan menyediakan tugasan, murid-murid perlu mengambil giliran membaca tugasan yang disediakan oleh kumpulan lain. **4.** Kemudian, murid-murid perlu menjawab dan kemukakan alasan mengapa penerangan itu salah. **5.** Aktiviti ini berjalan sehingga semua tugasan selesai dijawab.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

SUDUT PAK-21

Gallery Walk

Bab 2	Malaysia dan Ekonomi Global
Subtajuk	Perdagangan Antarabangsa
Standard pembelajaran	Menganalisis kesan tarif, subsidi dan kuota ke atas perdagangan antarabangsa.
Persiapan awal	Sediakan kertas edaran, kertas sebak (*mahjong paper*) dan pen penanda.
Objektif	Membantu murid untuk memahami dan menjelaskan kesan sekatan perdagangan antarabangsa kepada ekonomi Malaysia.
Aktiviti	**1.** Murid-murid dibahagikan kepada lima atau enam kumpulan. **2.** Setiap kumpulan diberi situasi berkaitan dengan sekatan perdagangan antarabangsa. **3.** Setiap kumpulan perlu berbincang dan mengenal pasti kesan daripada sekatan perdagangan tersebut ke atas pihak-pihak tertentu. **4.** Tuliskan jawapan dalam kertas sebak dan tampal di dinding kelas. **5.** Ketua kumpulan akan menunggu di galeri masing-masing untuk menjelaskan hasil perbincangan dan menjawab soalan daripada ahli kumpulan lain. **6.** Ahli kumpulan lain akan melawat galeri kumpulan lain untuk melihat hasil perbincangan kumpulan lain. Contoh situasi: **1.** Kerajaan bercadang untuk mengurangkan kadar tarif untuk semua kereta import. Jelaskan kesannya ke atas: i. Pengeluar kereta tempatan ii. Pengguna iii. Ekonomi negara **2.** Kerajaan bercadang untuk memberi subsidi kepada pengeksport kasut. Jelaskan kesannya kepada: i. Pengeksport kasut tempatan ii. Ekonomi negara

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

SUDUT PAK-21

Pairs Check

Bab 2	Malaysia dan Ekonomi Global
Subtajuk	Imbangan Pembayaran
Standard pembelajaran	Menjelaskan konsep defisit dan lebihan dalam akaun semasa.
Persiapan awal	Sediakan kertas edaran yang mengandungi soalan data imbangan pembayaran, kertas kosong dan pen.
Objektif	Membantu murid membuat kesimpulan mengenai imbangan akaun semasa dari data yang diberi.
Aktiviti	**1.** Murid dibahagikan kepada kumpulan yang mengandungi empat orang dan diberi nombor 1, 2, 3 dan 4. **2.** Guru mengedarkan soalan data imbangan pembayaran kepada setiap kumpulan. **3.** Murid 1 dan murid 3 diberi soalan dan perlu menyelesaikannya manakala murid 2 dan murid 4 memerhati dan membantu pasangan tersebut untuk menyelesaikan tugasan. **4.** Setelah menyiapkan tugasan, murid 1 dan murid 3 akan menyemak jawapan dengan satu lagi pasangan iaitu murid 2 dan murid 4. **5.** Seterusnya, murid 2 dan murid 4 diberi soalan untuk diselesaikan manakala murid 1 dan murid 3 memerhati, membantu dan menyemak jawapan pasangan tersebut.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

SUDUT PAK-21

Travelling File

Bab 2	Malaysia dan Ekonomi Global
Subtajuk	Kadar Pertukaran Asing
Standard pembelajaran	Menjelaskan faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran mata wang asing.
Persiapan awal	Sediakan fail kertas dan kertas latihan bercetak.
Objektif	Membantu murid memahami faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran mata wang asing secara lebih mendalam.
Aktiviti	**1.** Bahagikan kelas kepada lima kumpulan (jumlah ahli bergantung kepada bilangan murid dalam kelas). **2.** Guru akan menyediakan lima fail yang mengandungi soalan, kes atau masalah tentang faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran mata wang asing. Fail 1 – Eksport negara Fail 2 – Import negara Fail 3 – Kadar faedah Fail 4 – Cita rasa pengguna terhadap barangan import Fail 5 – Spekulasi mata wang **3.** Setiap kumpulan dibekalkan satu fail yang di dalamnya ada soalan, kes atau masalah untuk dibincangkan. **4.** Masa sebanyak 10 minit diperuntukkan kepada setiap kumpulan untuk menjawab soalan. Catatan jawapan perlu dimasukkan semula ke dalam fail dan diedarkan kepada kumpulan seterusnya. **5.** Kumpulan yang mendapat fail baharu daripada kumpulan lain dikehendaki membaca soalan dan jawapan yang tersedia ada. **6.** Selepas itu, jawapan tersebut akan dibincang, ditambah, dihurai atau disunting. **7.** Setiap kumpulan boleh memberi respons kepada dua atau tiga *travelling file*. **8.** Setelah setiap kumpulan memberi respon kepada *travelling file*, perbincangan akan dibuat di dalam kelas secara keseluruhan. **9.** Akhirnya, guru membuat kesimpulan berkenaan setiap soalan tersebut secara keseluruhannya.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.